

## KETOKOHAN SOSIOLINGUISTIK DATO MAHAMUD ABDUL DALAM PERKEMBANGAN PENGAJIAN BAHASA ARAB DI MALAYSIA: KEPAKARAN, FASHAHAH DAN KETERAMPILAN

**Dr. Rosfazila Abd Rahman**

Pusat Pengajian Teras

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

*rosfazila@kuis.edu.my*

**Dr. Abdul Razif Zaini**

Pusat Pendidikan ISESCO

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

*abdulrazif@kuis.edu.my*

### **ABSTRAK**

Perkembangan pengkajian bahasa Arab dalam konteks sosiolinguistik di Malaysia menggambarkan kepakaran kecendiakawan yang pelbagai menyangkut hampir semua bidang kajian bahasa Arab yang menjadi pusat rujukan kepada pengkaji-pengkaji bahasa Arab di Malaysia. Segala yang diterjemahkan oleh pengkajian Bahasa Arab di Malaysia adalah bertepatan dengan dunia akademik dan kesarjanaan. Pengkajian Bahasa Arab di Malaysia menekankan soal kepentingan mempelajari bahasa Arab dan kesungguhan membentuk bahasa Arab komunikasi yang berkembang sebagai bukan sahaja sebagai bahasa Al-Qura'an malah sebagai bahasa ilmu dan bahasa saintifik. Penulisan ini dilakukan bertujuan untuk menganalisis aspek kepakaran, *fashahah* dan keterampilan Dato Mahamud Bin Abdul. Aspek ini dipilih untuk memaparkan ciri-ciri kebahasaan Bahasa Arab yang digunakan oleh Dato Mahamud Abdul kerana beliau merupakan tokoh yang berjaya mengangkat martabat Bahasa Arab ke taraf yang tinggi dalam penyebaran ilmu di Malaysia dan nusantara. Tujuan seterusnya adalah untuk mengenangkan ketokohan Dato Mahamud bin Abdul yang bukan sahaja merupakan tokoh sosiolinguistik Bahasa Arab hebat, bahkan juga merupakan cendekiawan Bahasa dan kesusateraan Arab yang banyak menyumbang dalam perkembangan pengajian Bahasa Arab.

### **Pengenalan**

Kajian ketokohan kerapkali memberi fokus kepada perbincangan berkaitan profil demografi dan juga pengalaman hidup tokoh. Perkara-perkara ini dilihat sebagai memberi kesan positif dan negatif terhadap pembangunan bidang dan kepakaran tokoh tersebut. Kerap juga dilihat adalah usaha-usaha pembaharuan dan mengangkat martabat bidang kepakaran tokoh. Aspek pemikiran tokoh terhadap sistem sesuatu bidang juga sangat dilihat sinonim (Mulyadi Bin Jailani 2016). Justeru, kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengkaji ketokohan Sosiolinguistik Dato Mahamud Abdul Dalam Perkembangan Pengajian Bahasa Arab Di Malaysia: Kepakaran, *Fashahah* Dan Keterampilan. Metodologi kajian ini terdiri daripada gabungan kaedah kajian kepustakaan dan lapangan. Sejumlah sumber yang mengandungi misi beliau dalam mengembangkan pengajian Bahasa Arab telah diteliti. Kajian mendapati bahawa Dato Mahamud Abdul telah mencetuskan inspirasi kepada generasi seterusnya untuk lebih mengutamakan pengajian Bahasa Arab.

## Objektif kajian

- Penulisan ini dilakukan bertujuan untuk menganalisis aspek kepakaran, *fashahah* dan keterampilan Dato Mahamud Bin Abdul . Aspek ini dipilih untuk memaparkan ciri-ciri kebahasaan Bahasa Arab yang digunakan oleh Dato Mahamud Abdul kerana beliau merupakan tokoh yang Berjaya mengangkat martabat Bahasa Arab ke taraf yang tinggi dalam penyebaran ilmu di Malaysia dan nusantara.
- Tujuan seterusnya adalah untuk mengenengahkan ketokohan Dato Mahamud Bin Abdul yang bukan sahaja merupakan tokoh sosiolinguistik Bahasa Arab hebat, bahkan juga merupakan cendekiawan Bahasa dan kesusateraan Arab yang banyak menyumbang dalam perkembangan pengajian Bahasa Arab.

## Profil Dato Mahamud Abdul

Mahamud adalah anak jati Kampung Darat, Beseri, Perlis yang dilahirkan pada 22 Julai 1948. Beliau dibesarkan di Kampung Utan Temin, Mata Ayer, Perlis. Pendidikan awal adalah di Sekolah Kebangsaan Oran sebelum menyambung pelajaran ke Al-Madrasah Al-Alawiyah Al-Diniyah, Arau. Beliau melanjutkan pelajaran dalam bidang bahasa di Universiti Al-Azhar, Mesir disebabkan minat yang mendalam kepada agama dan bahasa Arab.

Beliau terkenal dengan kebolehan dan keupayaannya menjadi pengacara untuk bahasa Arab setiap kali tilawah peringkat antarabangsa. Gandingan beliau adalah Datuk Mahadzir Lokman (bahasa Inggeris dan Perancis) dan Salehuddin Ramlan (bahasa Melayu). Pembabitan awal beliau dalam pengacaraan majlis adalah sewaktu perasmian Pusat Islam di Kuala Lumpur pada tahun 1985.

## Kepakaran, *fashahah* dan keterampilan Dato Mahamud Abdul.

Definisi [ke.pa.ka.ran] كُفَّاْرَنَ adalah pengetahuan dan kemahiran seseorang pakar. Kata akar adalah pakar (kata nama) bersinonim dengan ahli, pandai, jauhari, tukang, juru, sarjana, cendekiawan, cerdik pandai, ulama, utas, empu, kipu, spesialis; Kata Terbitan : kepakaran, (Kamus Pelajar Edisi Kedua) : Pelantikan beliau sebagai pensyarah Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), menyediakan terjemahan selari ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang turut dihadiri Presiden Maldives, Maumoon Abdul Gayoom dan Sheikh Azhar, Sheikh Jadul Haq Ali Jadul Haq dan menubuhkan sebuah Kota Pelajar dan Mahasiswa (KOPELMA) merupakan satu penghormatan terhadap kepakarannya dalam bidang pengajian Bahasa Arab.

*Fashahah* adalah ucapan atau berbicara yang jelas dalam pengucapannya dan jelas maknanya atau erti, dan mudah dalam pengucapannya, dan baik dalam memperindah perkataan. Setelah dapat memahami dalam pengertian tentang Fashahah maka bolehlah memahami atau mendengarkan bahasa arab yang fasih atau tidak fasih dengan singkat, kerana dengan mempelajarinya, kemahiran membezakan mana perkataan yang jelas maknanya, mudah dilafalkan, dan indah dalam perkataan dapat diperingkatkan (Ali al-Jarim & Musthafa Amin tt).

كلام فصيح یaitu kalam yang jika dilihat dari aspek nahwiyah tidak dianggap menyalahi aturan, yang dapat mengakibatkan ضعف (lemah susunan) و تعقید (rumit), dari aspek bahasa tidak terdapat kata-kata غرابة (asing), dan jika dilihat dari aspek sharaf tidak menyalahi

qiyas, seperti tidak menggunakan kata “الأجل” yang menurut aturan sharaf seharusnya “الْأَجْلُ”. Sedangkan jika dilihat dari aspek ذوق terbebas dari تنافر (berat pengucapannya), baik hanya dalam satu kata seperti مستشررات ataupun dalam beberapa kata, meskipun satuan kata-katanya tidak bersifat تنافر.

Contoh dalam perkataan yang fasih sebagaimana Dato Mahamud Bin Abdul melantunkan pengucapannya dalam mengacarakan majlis tilawah al-Quran peringkat antarabangsa bermula tahun 1989. Nama beliau terus terpahat dan amat sinonim dengan tugas tersebut. Walaupun beliau sudah biasa dan mahir berbahasa Arab, beliau tetap membuat persiapan rapi sebelum mengacarakan sesuatu majlis besar terutama tilawah al-Quran.

"Setiap kali mendapat buku aturcara majlis saya akan membuat draf skrip. Ini biasanya mengambil masa dua ke tiga hari".

"Skrip itu mesti dibuat sebaik mungkin dengan sifar kesalahan. Saya juga akan membuat baris bagi setiap perkataan untuk mengelak berlakunya kesilapan".

"Kadang-kadang bila membuat ulasan selari, mungkin kita tersilap baca jika perkataan-perkataan Arab itu tidak ditarikkan," jelasnya.

Definisi [ke.te.ram.pi.lan] | كتمثيلن adalah keadaan atau sifat terampil; kecekapan; kemampuan (yang tinggi): kata sifatnya ialah terampil (adjektif) dan bersinonim dengan cekap, cetakan, cegak, cergas, pantas, tangkas, campin; Kata Terbitan: keterampilan, (Kamus Pelajar Edisi Kedua).

Bertenang dan mengawal perasaan supaya rasa gugup tidak menguasai diri sewaktu berhadapan dengan ribuan penonton boleh meningkatkan keterampilan dan kecekapan Dato Mahamud Abdul.

*"Itulah kali pertama mengacara majlis rasmi dalam bahasa Arab. Saya memberanikan diri dengan sokongan moral rakan-rakan di samping memohon Allah memberikan taufik supaya tugas itu disempurnakan dengan baik," kata bekas itu*

Ditanya resipi menjadi pengacara majlis yang berketerampilan, Mahamud berkata, mereka yang terlibat dalam bidang itu perlu meningkatkan keyakinan diri.

*"Saya sendiri banyak belajar dengan Mahadzir dalam segi keterampilan dan kecekapan mengendalikan majlis," katanya merendah diri.*

Kata Mahamud, kemahiran bahasa Arab itu adalah suatu kemestian dan ia boleh dipelajari dan dikemaskini daripada semasa ke semasa.

*"Selain itu, keterampilan sebagai pengacara perlu dilatih dan digarap walaupun kebanyakannya orang sudah ada bakat ini".*

*"Saya sendiri setiap kali mahu mengacara majlis besar akan solat hajat dan memohon kepada Allah agar dipermudahkan melaksana tanggungjawab itu," katanya.*

Ditanya tentang pakar rujuk, Mahamud berkata, dalam mengenal pasti istilah-istilah bahasa Arab, beliau berusaha bertanya kepada rakan-rakan yang mahir dalam bahasa itu. Mutakhir katanya, beliau merujuk kepada ilmuan Arab yang berada di Malaysia untuk memastikan ketepatan terjemahan yang dibuat dan mengelak terguna bahasa pasar Arab.

*"Saya bimbang terjemahan itu tidak semasa. Mungkin orang Arab sudah tidak menggunakan istilah itu lagi dan menukarnya dengan yang baru,"* jelas beliau.

### **Sumbangan Dato Mahamud Abdul dalam bidang pengajian Bahasa Arab dan kaitannya dengan bidang sosiolinguistik di Malaysia.**

Keadaan sosiolinguistik di Malaysia cukup kompleks kerana keadaan pemajmukan masyarakat berbilang etniknya. Walaubagaimanpun Perlembagaan Malaysia telah memperuntukkan bahawa Bahasa Melayu merupakan bahasa Rasmi Persekutuan. Apa yang lebih menarik, bahasa-bahasa lain bebas ditutur dan diamalkan. Bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa pengantar. Bahasa Melayu juga merupakan bahasa pendidikan, perpaduan dan kebudayaan. Sebahagian besar masyarakat Malaysia belajar bahasa Melayu secara formal di sekolah. Sementara itu, mereka juga belajar bahasa Inggeris, Mandarin, Tamil, Arab dan bahasa-bahasa lain sebagai bahasa kedua di sekolah atau secara informal dalam masyarakat. Perkembangan sosiolinguistik bahasa Arab di Malaysia mempunyai sejarah yang tidak kurang menarik dan wajar dikaji lanjut (Rosfazila Abd Rahman & Abdul Razif Bin Zaini. 2017).

Tuntasnya, ketokohan Dato Mahmud Bin Abdul dalam perkembangan bahasa Arab di Malaysia menggambarkan kepakaran kecendiakawanan beliau yang pelbagai menyangkuti hampir semua bidang kajian bahasa Arab yang menjadikan beliau pusat rujukan kepada pengkaji-pengkaji bahasa Arab di Malaysia. Segala yang diterjemahkan oleh Dato' Mahmud Bin Abdul bertepatan dengan dunia akademik dan kesarjanaan. Ini jelas melambangkan kedalaman ilmu bahasa Arab yang dimiliki oleh Dato' Mahmud Bin Abdul dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai seorang pencinta bahasa Arab sebagai bahasa moden dan komunikasi pada hari ini. Untuk inilah Dato Mahmud Bin Abdul cukup menekankan soal kepentingan mempelajari bahasa Arab dan kesungguhan membentuk bahasa Arab komunikasi yang berkembang sebagai bukan sahaja sebagai bahasa Al-Qura'an malah sebagai bahasa ilmu dan bahasa saintifik. Jelaslah bahawa Dato Mahmud Bin Abdul, merupakan seorang tokoh terkemuka bukan sahaja di Malaysia malah di rantau ini dalam bidang fashahah Arab, Pengajian Bahasa Arab, memahami Al-Quran dan menggali pelbagai ilmu dan sememangnya melayakkan beliau untuk digelar Tokoh Sosiolinguistik Melayu Nusantara.

### **Kesimpulan**

Dato Mahmud Bin Abdul merupakan tokoh Sosiolinguistik Melayu penting dalam perkembangan pengajian bahasa Arab di Nusantara amnya dan di Malaysia khususnya. Ilmu beliau yang luas disertai dengan kepakaran, *fashahah* dan keterampilan yang pelbagai menyangkuti hampir semua bidang kajian bahasa Arab menjadikan beliau pusat rujukan kepada pengkaji-pengkaji bahasa Arab di Malaysia. Selain sumbangan beliau dalam dunia akademik dan kesarjanaan, beliau turut terlibat menganggotai agensi dan jawatankuasa penting yang membina bahasa Arab sebagai bahasa moden dan komunikasi pada hari ini. Jasa beliau dalam membentuk bahasa Arab komunikasi yang berkembang sebagai bahasa ilmu dan bahasa saintifik hari ini sangatlah besar. Keadaan ini menjelaskan kepada kita kepentingan mempelajari bahasa Arab. Bukan sahaja untuk memahami al-Quran tetapi juga menggali pelbagai ilmu yang

banyak ditulis dalam bahasa al-Quran itu. Sumbangan keilmuan Dato Mahmud Bin Abdul dalam bidang bahasa Arab sememangnya melayakkan beliau untuk digelar Tokoh Sosiolinguistik Melayu Nusantara (Abdul Razif & Rosfazila 2016).

Biarpun sinonim sebagai pengacara tilawah, sebenarnya Mahamud terlibat lebih awal dalam penyediaan buku cenderamata tilawah al-Quran peringkat antarabangsa sejak tahun 1985. Sebagai menghargai jasa dan bakti beliau kepada agama dan bangsa, kerajaan Negeri Perlis menganugerahkan beliau Tokoh Maal Hijrah Perlis pada tahun 2002. Beliau juga adalah Ahli Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Negeri Perlis sejak tahun 1987 hingga sekarang. Khidmat Mahamud juga sering digunakan antaranya sebagai penterjemah ke bahasa Arab di beberapa forum yang diadakan di Singapura sejak tahun 1990. Selain itu, beliau pernah bertugas sebagai penyiар sambilan bahasa Arab di Radio Televisyen Malaysia (RTM) untuk program Suara Malaysia dari tahun 1987 hingga 2008. Satu lagi tugas besar yang diamanahkan kepada beliau adalah sebagai jurubahasa dan pengiring tetamu negara, Sheikh Al-Azhar, Allahyarham Dr. Sayyid Tantawi pada tahun 1998 ( Mohd Radhi 2011).

Beliau sehingga kini amat aktif menyertai seminar, forum, kelas-kelas pengajaran dan kesedaran bahasa Arab di seluruh negara. Terbaharu, beliau menerima Anugerah Maulidur Rasul 1436H/ 2015 bersama Imam Besar Masjid Negara Kuala Lumpur, Tan Sri Syaikh Ismail Muhammad, dikurniakan Anugerah Perdana Maulidur Rasul sempena Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan 1436H/2015M di Masjid Putra, Putrajaya. Anugerah ini mengiktiraf kepakaran dan jasa beliau sebagai tokoh Melayu nusantara dalam memartabatkan bahasa Arab, bahasa al-Quran. Selain beliau, lapan tokoh lain turut terpilih untuk menerima Anugerah MaulidurRasul. Mereka ialah Ahli Jawatankuasa Syariyyah (Fatwa) Majlis Hal Ehwal Islam Perak, Datuk Saleh Mad @ Ahmad; Juruacara Bahasa Arab Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa, Datuk Mahamud Abdul; Pensyarah Universiti Putra Malaysia, Profesor Madya Dr Hafidzi Mohd Noor dan Pensyarah Universiti Malaya yang juga penceramah terkenal Profesor Dr Sharifah Hayaati Syed Ismail.

Beliau menyarankan agar generasi baharu memanfaatkan peluang ilmu dan perlu memastikan keseimbangan antara ilmu pengetahuan moden dan kelangsungannya. Antara sumbangan terpenting beliau ialah menujuhan sebuah Kota Pelajar dan Mahasiswa (KOPELMA) yang di dalamnya mengandungi beberapa institusi seperti Universiti Syiahkuala, IAIN Jamiah Ar-Raniry dan Dayah Tinggi yang saling lengkap melengkapi khususnya dalam membantu pemerintah tempatan mengembangkan pembangunan pendidikan Islam.

## Rujukan

- Abdul Rashid Daing Melebek & Amat Juhari Moain. 2010. Sosiolinguistik dan Bahasa Melayu. Penerbit UKM: Bangi.
- Abdul Razif Zaini & Rosfazila Abd Rahman. 2016. Dato Mahamud Bin Abdul, Tokoh Sosiolinguistik Melayu Nusantara: Suatu kajian Konseptual, profil dan sumbangan. Tokoh-tokoh Ulama Melayu Nusantara.Selangor: PPT,KUIS, JAIS dan LZS. Hashim Bin Musa, 2000, journal Sejarah Tulisan Jawi.
- Ali al-Jarim & Musthafa Amin, *Al-Balaghah al-Wadhiyah*, (Kairo: Dar al-Ma'arif, tt), h. 8
- Dewan Bahasa dan Pustaka.<http://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=kepakaran>. 3 Februari 2019.
- <http://www.hmetro.com.my/node/21285?m=1#sthash.VytdFFIX.dpuf>
- <http://www.scribd.com/doc/38199233/Linguistik-Sosiolinguistik-Dan-Ruang-Lingkupnya#scribd>
- Janet Holmes.2013. An Introduction to Sociolinguistics. Fourth edition. New York, USA: Routledge.

Mohd. Razi Mohd Zin, Isimewa Mahamud, Utusan Malaysia,  
[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0204&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Keluarga&pg=ke\\_01.htm.dicapai](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0204&pub=Utusan_Malaysia&sec=Keluarga&pg=ke_01.htm.dicapai) 2 Februari 2019.

Mulyadi Bin Jailani. 2016. Ketokohan Ali Hasjmy Dalam Bidang Pendidikan Dan Sumbangannya Terhadap Perkembangan Lembaga Pendidikan Islam Di Aceh. Universiti Sains Malaysia. [Http://Eprints.Usm.My/31867/1/Mulyadi\\_Bin\\_Jailani\\_24\(Nn\).Pdf](Http://Eprints.Usm.My/31867/1/Mulyadi_Bin_Jailani_24(Nn).Pdf). Dicapai 3 Februari 2019.

Musa, Hashim and Pondo, Halimah (2012) Isu sosiolinguistik di Malaysia. Penerbit Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.

Nik Safiah Karim dan Wan Malini Ahmad, 206. Bahasa Melayu STPM; Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Rosfazila Abd Rahman & Abdul Razif Bin Zaini. 2017. Sumbangan Dato' Mahamud Bin Abdul dalam bidang pengajian Bahasa Arab dan kaitannya dengan bidang Sosiolinguistik di Malaysia: Satu Sorotan. Persidangan Antarabangsa Tokoh Ulama Melayu Nusantara, At Pusat Pengajian Teras (PPT), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Volume: 2